



Hubung

P.O. Box 18510, Pejabat Pos Besar Kota Kinabalu,
88670 Kota Kinabalu, Sabah


Pejabat: 088-426312, 213220 | Mudah alih: 019-6611558

<http://christchurchlikas.org/> | ccliikas@gmail.com

Paskah 3 - 14 April 2024

Doa Hari Ini

Allah damai sejahtera, Engkau telah membangkitkan Tuhan kami Yesus Kristus iaitu Gembala Agung kawanan domba Allah, daripada antara orang mati dengan darah perjanjian yang kekal; sempurnakanlah segala pekerjaan kami untuk melakukan kehendak-Mu, dan kerjakanlah di dalam kami apa yang berkenan pada pandangan-Mu oleh Yesus Kristus Tuhan kami. Amin



**Lihatlah, betapa besarnya
kasih yang dikaruniakan
Bapa kepada kita.**

- 1 Yohanes 3:1

Kebaktian BM disiarkan **secara langsung, 11:30 pagi.:**

- YouTube: [https://www.youtube.com/
@christchurchlikasstreams](https://www.youtube.com/@christchurchlikasstreams)

Selamat datang ke dalam perkumpulan umat Tuhan. Kita bersama-sama beribadah kepada Tuhan Yesus yang telah bangkit dan mendorong satu sama lain untuk mentaati-Nya.

1. TERIMA KASIH KERANA BERDOA

Berikut adalah aktiviti sepanjang minggu yang hebat:

- Muda-mudi BI (FAITH) mempunyai pengalaman perkhemahan yang amat menyeronokkan. Salah seorang pemimpin muda-mudi melaporkan: "kami di sana, menyanyi, memasak, mendaki, bersekutu dan belajar firman Tuhan bersama-sama. Ada yang kurang tidur!". Paling penting, mereka belajar cara membuat pelaburan terbesar dalam hidup - untuk mengikut Yesus. Kami mengucapkan terima kasih kepada semua ibu bapa, pemimpin dan pembantu kerana menjayakan aktiviti ini.
- Konferensi Doa BM, Tawau, telah dihadiri dengan baik sekali; dengan lebih 2000 orang menghadiri sesi terbuka malam. 50 peserta kita telah pergi dan pulang dengan selamat. Semua peserta telah dicaskan sepenuhnya (!), walaupun tubuh badan lelah (!!). Kami mengucapkan terima kasih kepada semua, terutamanya pemandu kita yang telah menghabiskan masa berjam-jam di jalan raya membawa para peserta dari jemaat kita.
- Belia BI telah meluangkan masa yang penuh memori indah di bukit Kokol yang diisi dengan persekutuan sesama. Syabas!
- Seramai 150 peserta yang menghadiri Persekutuan Paderi Cina Sedunia, Taipei, sungguh suatu pengalaman yang menginspirasikan. Kerja pelayanan Persekutuan Anglikan Cina seluruh dunia sedang berkembang, meskipun perlahan. Banyak cabaran




masih dihadapi. Persekutuan seterusnya, dalam tahun 2028, akan dianjurkan oleh Diosis Singapura.

2. MUSIM PASKAH

Salah satu kesan ketara daripada kebangkitan Yesus Kristus ialah kelahiran sebuah komuniti, yang dipanggil gereja. Ia bermula dengan 120 murid Yesus pada hari Pentakosta. Ia perlahan-lahan, tetapi secara berterusan dan pasti, lalu berkembang menjadi komuniti di seluruh dunia.

Musim Paskah (atau *eastertide*) ini, kita akan melihat beberapa ciri 'komuniti kebangkitan' ini. Berdasarkan surat 1 Yohanes, mereka adalah:

- 7 April: Persekutuan - 1 Yohanes 1:5-2:2
- 14 April: Kebenaran - 1 Yohanes 3:1-7
- 21 April: Ketaatan - 1 Yohanes 3:16-akhir
- 28 April: Keberanian - 1 Yohanes 5:1-6
- 5 Mei: Keyakinan - 1 Yohanes 5:9-13
- 12 Mei, Hari Ibu: Kasih - 1 Yohanes 4:7-akhir
- 19 Mei, Pentakosta: Kuasa



3. BERITA DIOSIS

- Berita duka atas pemergian Rev. Lin Nyuk Hon, 93. Beliau melayani selama bertahun-tahun sebagai paderi sukarela di Gereja Good Samaritan. Kita doakan buat isteri dan keluarga yang ditinggalkan.
- 30 April-2 Mei - Konferensi Belia BC & BI, Katedral All Saints, KK. Dibuka untuk pendaftaran. RM200 per orang. Ada subsidi disediakan. Hingga kini, lebih 160 telah mendaftar.
- 28-30 Mei - Khemah Muda-mudi BC & BI, Sekolah Visi, Tawau. Dibuka untuk pendaftaran. RM135 seorang (termasuk makanan dan penginapan).

4. PROJEK 'LABUR' - terima-kasih

- Diperlukan - RM600,000
- Minggu lepas - RM7,680
- Jumlah terkumpul - RM14,840

5. PELAYANAN LAIN

- 25 April - Perjamuan Kudus Rumah. Sila beritahukan pejabat gereja jika anda ada keperluan pelayanan ini.
- Gubahan bunga disumbangkan oleh En. Michael Tsen dan isteri, sebagai kesyukuran mereka.

UNTUK PEMBERIAN DALAM TALIAN
RHB Bank | 2-10103-0001913-1
Christ Church Likas

Boost: <https://myboost.app.link/FPvG94VIT4>



Tanda-tanda 'komuniti kebangkitan'

KEBENARAN

"Anak-anakku, janganlah membiarkan seorangpun menyesatkan kamu. Barangsiapa yang berbuat kebenaran adalah benar, sama seperti Kristus adalah benar" - 1 Yohanes 3:7

Untuk renungan dan perbincangan:

1. Makcik anda yang berumur 85 tahun tiba-tiba menelefon anda selepas 30 tahun tanpa khabar. Mesejnya ialah "Saya mahu berbaik dengan ibu bapa kamu, bolehkah kamu aturkan masa untuk kita berjumpa?" Apakah rancangan anda? Bagaimanakah anda akan membantu situasi ini?
2. Baca 1 Yohanes 3:1. Jelaskan kasih Bapa yang besar bagi setiap daripada kita.
3. Yohanes 1:12. Apakah yang berlaku apabila kita menerima Yesus dalam hidup kita? Apa yang akan terjadi kepada kita apabila kita menerima hak keistimewaan daripada Yesus?
4. Baca 1 Yohanes 3:2-3. Kongsi antara satu sama lain apakah harapan kita di dalam Yesus Kristus? Apa yang harus kita lakukan untuk memastikan harapan kita terjamin di dalam Yesus Kristus - ayat 3.
5. 1 Yohanes 3:4-6. Apakah yang mesti kita lakukan untuk menunjukkan kasih kita kepada Juruselamat kita yang tidak berdosa?
6. 1 Petrus 1:15-16 - tetapi hendaklah kamu menjadi kudus di dalam seluruh hidupmu sama seperti Dia yang kudus, yang telah memanggil kamu, sebab ada tertulis: Kuduslah kamu, sebab Aku kudus.

UNTUK DIDOA

Sabah yang tercinta

- untuk golongan muda agar menjalani kehidupan yang berwawasan dan produktif [supaya mereka dapat mengambil peluang yang tersedia]

Gereja kita yang tercinta

- untuk semua pasukan muzik kita [puji Tuhan bagi mereka dan berdoa agar lebih banyak peluang bagi mereka untuk melayani]

Diri sendiri

- bagi mereka yang iman Kristiannya sering dicabar [kiranya kita dapat mendorong satu sama lain untuk hidup dalam kebenaran]
- berdoa untuk mereka yang dalam kelemahan tubuh, minda atau rohani; dan untuk 5 sahabat kita. Namakan mereka dalam doa anda.